



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 28 April 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
 Unit Komunikasi Korporat
 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>'Kami Bukan Sengaja Tinggal Di Sini, Kami Memang Tidak Mampu' [METROTV]</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/960816/kami-bukan-sengaja-tinggal-di-sini-kami-memang-tidak-mampu-metrotv?utm_source=hm&utm_medium=trending</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=eL5g89RjhTY</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=H0zDVhVuy4g</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Harian Metro</p> <p>Buletin TV9</p>	Neutral
2	<p>'Organ Dalam, Jantung, Buah Pinggang Anak Hangus'</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/960994/org-an-dalam-jantung-buah-pinggang-anak-hangus</p>	<p>Harian Metro</p>	Negatif

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/256024/berita/s-emas/kanak-kanak-11-tahun-maut-mangsa-pertama-strok-haba</p> <p>https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/kanak-kanak-11-tahun-maut-akibat-strok-haba/</p> <p>https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-11-tahun-meninggal-dunia-akibat-strok-haba-dan-dehidrasi/</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/28/kanak-kanak-11-tahun-maut-akibat-strok-haba/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Warta Oriental</p>	
3	<p>Kanak-Kanak Perempuan Maut Akibat Strok Haba</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1094619/kanak-kanak-perempuan-maut-akibat-strok-haba</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/27/seorang-lagi-kanak-kanak-di-kelantan-maut-akibat-strok-haba/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-umur-setahun-maut-akibat-strok-haba-di-kelantan-417185</p> <p>https://malaysiapost.com.my/2023/04/27/strok-haba-ragut-nyawa-kanak-kanak-berumur-1-tahun/</p>	<p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Post</p>	Negatif
4	<p>Pemandu Paut Kanak-Kanak Di Pintu Kereta Dicari Polis</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/27/pemandu-paut-kanak-kanak-di-pintu-kereta-dicari-polis/</p>	<p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
5	<p>Kanak-Kanak Lelaki Ditemukan Lemas Di Sungai</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-lemas-di-sungai-CJ10910020</p> <p>https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2184716</p> <p>https://mykmu.net/2023/04/28/kanak-kanak-lemas-jatuh-sungai-ketika-berkelah/</p>	<p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p> <p>MYKMU</p>	Negatif

	<p>https://www.youtube.com/watch?v=S1eTy9oBELk</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/27/budak-10-tahun-lemas-semasa-perkelahan-keluarga/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>TVSTV</p>	
6	<p>Bayi Perempuan 27 Hari Meninggal Dunia, Ibu Bapa Cedera</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/27/bayi-perempuan-27-hari-meninggal-dunia-ibu-bapa-cedera/</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1094566/nahas-pulang-beraya-ragut-nyawa-bayi-berusia-27-hari</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/04/27/tragedi-beraya-bayi-27-hari-maut-kereta-rempuh-lori/</p> <p>https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/27/bayi-berusia-27-hari-korban-dalam-nahas-libatkan-kereta-lori</p> <p>https://suarasarawak.my/bayi-perempuan-berumur-27-hari-meninggal-dunia-ibu-bapa-cedera/</p> <p>https://dayakdaily.com/bayi-berumur-27-hari-meninggal-dunia-dalam-nahas-di-jalan-bau-lundu/</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Suara Sarawak</p> <p>Dayak Daily</p>	Negatif
7	<p>Masih Kurang Wanita Pegang Jawatan Kanan Editorial Di Malaysia</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/663305</p> <p>https://suarasarawak.my/golongan-wanita-kurang-pegang-kuasa-dalam-industri-media/</p>	<p>Malaysia Kini</p> <p>Suara Sarawak</p>	Neutral
8	<p>Perlu Lebih Banyak Pusat Jagaan Warga Emas</p>	<p>Bernamea TV</p>	Neutral
9	<p>Remaja OKU Hilang Ditemukan Maut Dalam Longkang</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-oku-hilang-ditemukan-maut-dalam-longkang-417149</p>	<p>Astro Awani</p>	Negatif

https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2184698	Bernama
https://www.thesundaily.my/home/pemuda-oku-hilang-ditemukan-maut-dalam-longkang-OI10909689	The Sun Daily
https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/960949/re-maja-oku-tiba-tiba-lari-sebelum-mayatnya-ditemukan-dalam-longkang	Harian Metro
https://www.kosmo.com.my/2023/04/27/gerak-hati-bapa-anak-sudah-tiada-jadi-kenyataan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=gerak-hati-bapa-anak-sudah-tiada-jadi-kenyataan	Kosmo
https://mykmu.net/2023/04/27/lelaki-melayu-mati-dalam-longkang-polis-beri-amaran-jadi-buat-spekulasi/	MYKMU
https://headtopics.com/my/gerak-hati-bapa-anak-sudah-tiada-jadi-kenyataan-38474286	Head Topics

'KAMI BUKAN SENGAJA TINGGAL DI SINI, KAMI MEMANG TIDAK MAMPU' [METROTV]

https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/960816/kami-bukan-sengaja-tinggal-di-sini-kami-memang-tidak-mampu-metrotv?utm_source=hm&utm_medium=trending

Sumber : Harian Metro



"Selepas terbabit dengan kemalangan jalan raya, suami mengalami patah pinggang dan terpaksa menjalani rawatan di Hospital Sultan Ismail (HSI) lebih sebulan.

"Kami bersyukur kerana tidak pernah kebuluran kerana ada saja tanaman yang boleh dijadikan lauk.

"Namun ketika hujan lebat atau panas terik kami terpaksa berteduh di bawah kolong flat berhampiran, pada waktu malam kami menerangi pondok dengan cahaya lilin.

"Saya memang teringin untuk tinggal di rumah yang selesa seperti sebelum ini namun reda dan mengangap ini sebagai ujian hidup," katanya.

Sarimah berkata, dia sedih apabila mengimbas suasana Syawal pada empat tahun lalu kerana disambut dengan keadaan lebih baik di rumah.

"Syawal dulu keadaan kita elok-elok, kuih-kuih raya di depan dengan langsir dan kita duduk atas sofa.

"Sekarang ini hanya tuhan saja yang tahu keadaan kami ini tanpa bekalan elektrik dan air, namun apa pun kita terima dugaan Allah," katanya.

Sesiapa yang ingin menghulurkan sumbangan boleh menyalurkannya melalui akaun bank Sarimah, 151240304841 (Maybank) atau menghubungi mereka di talian 01136813569.

Sementara itu, jurucakap Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) berkata, pihaknya sudah membuat kunjungan ke pondok pasangan warga emas itu sebelum Aidilfitri.

Menurutnya, pihaknya menyalurkan sejumlah sumbangan serta barangan keperluan bagi kegunaan pasangan berkenaan.

"Kami dalam proses bagi mendapatkan rumah bagi pasangan itu," katanya ketika dihubungi hari ini.

'ORGAN DALAMAN, JANTUNG, BUAH PINGGANG ANAK HANGUS'

<https://www.hmetro.com.my/utama/2023/04/960994/organ-dalaman-jantung-buah-pinggang-anak-hangus>

Sumber : Harian Metro



Kota Bharu: "Semua organ dalaman anak saya iaitu jantung dan buah pinggang sudah 'hangus'. Begitu juga air dan darah dalam tubuh sudah kering.

"Saya mahu ibu bapa mengambil iktibar dari cerita ini dan jangan bagi anak-anak main panas terik berikutan suhu masa ini sangat tinggi. Bagi anak minum air secukupnya,".

Itu pesanan Wanie Alias, 32, ibu kepada kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun yang meninggal dunia disyaki akibat strok haba dan dehidrasi kelmarin.

Menurutnya, Muhamad Syamil Aqil menghembuskan nafas terakhir di Klinik Kesihatan Balai dekat Bachok pada jam 9.27 pagi.

Menceritakan sebelum kejadian itu, Wanie berkata, anaknya kelihatan aktif dan sihat ketika keluar beraya bersama adik beradik serta saudara mara pada Hari Raya Aidilfitri pertama dan kedua.

Malah, katanya, anak sulung daripada tiga beradik itu sangat aktif bermain basikal sebelum demam dan cirit-birit pada hari raya ketiga.

"Saya sentiasa memantau keadaan anak pada setiap jam dan mendapati suhunya sekitar antara 37 hingga 38 darjah celsius.

"Pada hari raya keempat selepas Subuh, saya lihat keadaan anak lemah dan mahu membawanya ke klinik kesihatan, namun ketika sedang bersiap dia secara tiba-tiba diserang sawan.

"Saya terus membawa anak ke Klinik Kesihatan Balai dan sampai di sana doktor terus memberi oksigen dan branula untuk masuk air. Namun, nadinya terhenti dan dia pengsan," katanya di sini, hari ini.

Menurutnya, doktor cuba buat yang terbaik apabila memberikan bantuan kecemasan resusitasi kardiopulmonari (CPR).

Namun katanya, doktor meminta dia dan suami reda sebelum anak mereka menghembuskan nafas terakhir pada jam 9.27 pagi.

Katanya, jenazah anaknya kemudian dibawa ke Unit Forensik Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk bedah siasat dan hasilnya mendapati anaknya meninggal dunia akibat strok haba dan dehidrasi.

Mengesahkan perkara itu, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr Zaini Hussin berkata, siasatan awal mendapati kanak-kanak lelaki itu meninggal dunia kerana strok haba dan dehidrasi.

"Bedah siasat di HRPZ II keputusan awal mendapati kanak-kanak itu diserang strok haba dan dehidrasi," katanya di sini, hari ini.

KANAK-KANAK PEREMPUAN MAUT AKIBAT STROK HABA

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1094619/kanak-kanak-perempuan-maut-akibat-strok-haba>

Sumber : Berita Harian



KOTA BHARU: Kanak-kanak perempuan berusia setahun setengah dari Kampung Kota, di sini, meninggal dunia pada Selasa dipercayai kerana strok haba.

Bapa kanak-kanak itu, Ahmad Faris Fazli Mohd Nasir, berkata anak tunggalnya, Nur Imani, batuk sejak seminggu lalu dan muntah-muntah beberapa hari selepas itu.

Katanya, Nur Amani dibawa ke Unit Kecemasan Hospital Raja Perempuan Zainab II Isnin lalu dan doktor yang merawat memberi ubat dan meminta anaknya dibawa pulang.

Ahmad Faris berkata, keadaan anaknya semakin teruk sebelum meninggal dunia kira-kira jam 7.20 pagi Selasa.

"Punca kematian hasil bedah siasat ialah strok haba. Air dalam badan semua kering. Paru-paru sudah kecut," katanya di sini, hari ini.

Kelmarin, seorang kanak-kanak lelaki berusia 11 tahun meninggal dunia disyaki akibat strok haba dan dehidrasi.

Muhamad Syamil Aqil, menghembuskan nafas terakhir di Klinik Kesihatan Balai dekat Bachok, jam 9.27 pagi.

PEMANDU PAUT KANAK-KANAK DI PINTU KERETA DICARI POLIS

<https://malaysiagazette.com/2023/04/27/pemandu-paut-kanak-kanak-di-pintu-kereta-dicari-polis/>

Sumber : Malaysia Gazette



GOMBAK – Polis mengesan seorang pemandu kenderaan pacuan empat roda yang disyaki memandu secara cuai sehingga mendedahkan kanak-kanak kepada bahaya di jalan raya.

Pemangku Ketua Polis Daerah Gombak, Superintendan Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, pemandu Nissan Navara itu dikehendaki selepas perbuatannya telah tular dalam video di media sosial baru-baru ini.

Hari ini, katanya, pihaknya telah terkesan satu rakaman video berdurasi 12 saat di media sosial yang dimuat naik memaparkan insiden pemandu Nissan Navara berwarna putih telah bersikap cuai dan mendedahkan bahaya kepada kanak-kanak.

“Penelitian dalam video itu mendapati pemandu itu bersikap cuba dengan cara memaut seorang kanak-kanak menggunakan tangan kanan di sebelah pintu pemandu ketika kenderaan sedang bergerak.

“Hasil siasatan awal yang dijalankan kejadian tersebut berlaku di Taman Industri Bolton, Batu Caves,” katanya dalam kenyataan malam ini.

Tambah Noor Ariffin, polis juga mengesan pemilik akaun media sosial berkenaan yang bertanggungjawab merakam dan menularkan video itu serta pemilik kenderaan yang terlibat dalam insiden itu.

Kes berkenaan sedang disiasat secara mendalam di bawah Seksyen 336 Kanun Keseksaan.

Pada masa yang sama, orang ramai yang melihat atau mempunyai maklumat mengenai kejadian ini diminta tampil membantu siasatan dan boleh menghubungi Pegawai Penyiasat Trafik, Inspektor Mohd Shaifuddin Mohd Nor di talian 017-6645812 atau Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak di talian 03-61262222. – MalaysiaGazette

KANAK-KANAK LELAKI DITEMUKAN LEMAS DI SUNGAI

<https://www.thesundaily.my/home/kanak-kanak-lelaki-ditemukan-lemas-di-sungai-CJ10910020>

Sumber : The Sun Daily



BALING: Seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun ditemukan lemas selepas dipercayai terjatuh ke dalam sungai berhampiran Loji Air Sungai Limau, Kupang di sini hari ini.

Ketua Polis Daerah Baling Supt Shamsudin Mamat berkata mangsa, Muhammad Yusuf Khairuddin dikatakan datang ke situ kira-kira 11 pagi tadi untuk berkelah bersama keluarga.

“Semasa kejadian, ibu mangsa sedang menyuap makanan kepada tiga orang anak kecil yang lain di tepi sungai. Ketika itu, mangsa dilihat berada pada jarak kira-kira 10 meter dari ibunya.

“Ibu mangsa memaklumkan ketika anak-anaknya yang lain sedang mandi, ibunya melihat mangsa juga turun ke sungai untuk mandi namun kelibatnya tidak kelihatan. Ibu mangsa segera naik ke tebing sungai mencari di kawasan sekitar termasuklah di rumah saudara, tetapi mangsa tidak ditemukan,” katanya dalam kenyataan malam ini.

Menurut Shamsudin ibu mangsa turut memaklumkan seorang daripada anak perempuannya yang berusia 13 tahun ada ternampak mangsa menuju ke arah saluran paip penyedut ban pasir sebelum hilang.

“Mayat mangsa ditemukan petang tadi di dasar sungai iaitu kira-kira 1.5 kilometer dari lokasi terakhir mangsa dilihat dan dihantar ke Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, untuk ujian COVID-19 serta bedah siasat,” katanya menambah kes disiasat mengikut Seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001.

Difahamkan, Muhammad Yusuf yang menetap bersama keluarganya di Petaling Jaya, Selangor, pulang berhari raya di kampung.

Dalam pada itu, Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Bomba dan Penyelamat Kedah Penguasa Bomba Abdul Rahim Che Omar dalam kenyataan berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian daripada Ibu Pejabat Polis Daerah Baling pada 1.42 tengah hari.

“Operasi mencari dan menyelamatkan dimulakan di kawasan permukaan dan sekitar sungai. Mangsa berjaya ditemukan pada 4.50 petang, kira-kira tiga kilometer dari lokasi disyaki terjatuh dan mayat diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut,” katanya. -*Bernama*

BAYI PEREMPUAN 27 HARI MENINGGAL DUNIA, IBU BAPA CEDERA

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/27/bayi-perempuan-27-hari-meninggal-dunia-ibu-bapa-cedera/>

Sumber : Kosmo



BAU – Bayi perempuan berusia 27 hari meninggal dunia manakala ibu bapanya cedera apabila kereta dinaiki mereka melanggar belakang sebuah lori di Kilometer 13, Jalan Bau – Lundu.

Ketua Polis Daerah Bau Deputy Superintendan Poge Nyaon berkata, kejadian dilaporkan berlaku kira-kira pukul 1 petang semalam ketika tiga beranak itu pulang beraya dari Lundu.

Katanya kejadian dipercayai berlaku apabila Proton Saga yang dipandu bapa mangsa hilang kawalan dan melanggar belakang lori yang diletakkan di bahu jalan.

“Akibat kemalangan itu, ibu bapa mangsa yang berusia 35 dan 48 tahun cedera manakala bayi mereka yang berusia 27 hari disahkan meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di wad kecemasan Hospital Bau,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Namun, beliau berkata pemandu lori terbabit tidak mengalami sebarang kecederaan dan kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.-KOSMO! ONLINE

MASIH KURANG WANITA PEGANG JAWATAN KANAN EDITORIAL DI MALAYSIA

<https://www.malaysiakini.com/news/663305>

Sumber : Malaysia Kini



Satu laporan baharu mendapati kaum wanita masih diketepikan daripada memegang kuasa dalam industri media berita global.

Berdasarkan laporan Institut Kajian Kewartawanan Reuters 2023, hanya 22 peratus daripada 180 editor kanan di 240 pertubuhan berita di seluruh dunia, terdiri daripada wanita di sebalik purata, 40 peratus wartawan dalam 12 pasaran yang dikaji adalah wanita.

Sementara itu, di Malaysia, kekurangan wanita dalam jawatan kanan editorial mencetuskan “kitaran toksik yang bagaikan tiada kesudahan dengan hanya beberapa mentor dalam bilik berita untuk pemimpin wanita masa depan”. Ini bersandarkan laporan media 2020 oleh Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) dan Persekutuan Wartawan Antarabangsa (IFJ) Rantau Asia-Pasifik.

Laporan berkenaan berdasarkan dapatan kajian ke atas 240 orang petugas media Malaysia mengenai keadaan tempat bekerja masing-masing, daripada soal gaji dan isu keselamatan sehingga kepada jaminan pekerjaan secara keseluruhan.

Antara hasil kajian, meskipun kaum wanita unggul dalam jawatan eksekutif serta pengurusan seperti ketua pegawai eksekutif, eksekutif dan pengurus besar, bagaimanapun, bilangan mereka dalam jawatan kanan editorial seperti pengarah, ketua biro dan pengarang tidak berapa memberangsangkan.

Menurut kajian yang sama, sebanyak 83.3 peratus responden berkata, organisasi mereka mempunyai wanita menyandang peranan berjawatan tinggi namun nisbah wanita untuk jawatan kanan editorial adalah rendah daripada lelaki.

Kurangnya wakil wanita dalam jawatan penting editorial dalam industri media juga menyebabkan isu berkaitan dengan hak wanita dan kesaksamaan jantina kurang diberi penekanan untuk dilaporkan.

Wartawan penyiaran bebas Tehmina Kaoosji, yang berpangkalan di Malaysia, menekankan bahawa kepelbagaian jantina dalam jawatan editorial meningkat “sedikit” dalam tempoh sedekad lepas.

"Meskipun terdapat wanita dalam jawatan berkenaan, lazimnya mereka sering terbawa-bawa pemikiran parokial/sempit. Sekiranya mereka berusia lebih muda, terdapat kesedaran dan komitmen yang lebih terhadap kesaksamaan jantina dalam liputan berita, " beliau memberitahu Bernama baru-baru ini.

Perubahan di bilik berita

Ketua Pengarang portal kesihatan Galen Centre, CodeBlue, Boo Su-Lyn berpandangan, profesional media wanita terpaksa melalui perjalanan yang panjang sebelum kesaksamaan jantina untuk jawatan kanan editorial dapat ditangani.

"Keadaan yang sama juga untuk bidang lain. Wanita sering dilihat mempunyai komitmen keluarga yang lebih berbanding lelaki. Mereka mungkin tidak bersedia untuk menghabiskan lebih masa bagi karier mereka yang menghalang mereka daripada mendapat peluang untuk kenaikan pangkat.

"Satu lagi cabaran ialah banyak bilik berita masih diketuai lelaki yang lebih berusia dan kekosongan hanya wujud selepas mereka bersara atau meletak jawatan. Ini membuatkan tidak banyak peluang untuk wartawan wanita yang lebih muda untuk menyerlah dan menyandang jawatan kepimpinan," kata Boo.

Mengenai program kepimpinan dan mentor untuk wanita di bilik berita, Tehmina berkata, ia adalah penting untuk memastikan wartawan wanita yang berkemampuan dan berbakat tidak dipinggirkan untuk kenaikan pangkat kerana sikap berat sebelah, secara sedar atau tidak.

"Dalam hal ini, antara yang perlu ditangani ialah memastikan wartawan wanita yang juga ibu mempunyai akses yang mencukupi kepada penjagaan kanak-kanak yang diberi subsidi dan mampu bayar. Wartawan wanita dan lelaki yang juga ibu bapa mesti dibenarkan masa bekerja yang fleksibel supaya mereka sama-sama boleh menyumbang untuk menjaga anak masing-masing," katanya.

Menurut Tehmina, bilik berita Malaysia juga perlu mempunyai lebih ramai copy editor yang sensitif kepada kesaksamaan jantina bagi memastikan kitaran berita harian “tidak ada unsur stereotaip seksis, menggunakan bahasa yang berkecuali jantina dan membuat liputan berita am dengan berpandukan prinsip kesaksamaan jantina.

"Mereka juga perlu menyediakan latihan serta bengkel kesedaran yang kerap untuk semua peringkat kakitangan, termasuk C-suite (pengurus peringkat eksekutif), dengan Petunjuk Prestasi

Utama (KPI) organisasi dan pengurusan untuk mengesan kemajuan di tempat kerja tanpa sebarang isu diskriminasi di bilik berita dan juga berita yang adil, beretika serta sensitif kepada jantina," tambahnya.

Suara wanita kurang diwakili

Laporan 2020 bertajuk "The Missing Perspectives of Women in News", yang disediakan bagi pihak Yayasan Bill & Melinda Gates mendapati, suara wanita terus kurang diwakili dalam media berita global.

Menurut laporan berkenaan, lebih daripada 70 peratus orang yang dipetik sebagai sumber dan mendapat tempat dalam laporan berita adalah lelaki sementara wanita, kurang daripada 30 peratus.

Boo berkata, salah satu sebab mengapa wanita kurang diwakili dalam jawatan kanan editorial kerana kaum lelaki masih majoriti pakar serta sumber yang dipetik oleh media.

"Pembuat berita (sumber) kebanyakannya lelaki seperti ahli politik dan penggubal undang-undang dan mereka ini dipetik dalam laporan politik. Ini bermakna laporan berita cenderung memfokus kepada lelaki, yang mengakibatkan kaum lelaki terlalu banyak dipampangkan dalam media," katanya.

Boo menambah, sebagai ketua pengarang portal penjagaan kesihatan, beliau selalu memastikan wanita atau pakar wanita serta sumber dimasukkan dalam setiap laporan berita.

"Wanita lebih mementingkan kesihatan dan kebimbangan mereka perlu diketengahkan untuk menarik lebih ramai pembaca wanita," katanya.

Beliau berkata, sekiranya wanita diberi peluang untuk mengetuai jawatan editorial, isu tertentu berkait dengan kesaksamaan jantina, kanak-kanak serta komuniti rentan mudah diketengahkan.

"Ini kerana wanita dianggap sebagai kumpulan yang memahami serta mempunyai lebih empati, justeru hanya mereka boleh menonjolkan isu berkenaan dalam media," tambahnya.

Keselamatan wartawan wanita

Di sebalik cabaran dalam bidang kewartawanan, terdapat beberapa orang wartawan wanita Malaysia yang berjaya meningkat dan seorang daripadanya, Salbiah Said, 70, bekas timbalan ketua pengarang Perkhidmatan Ekonomi Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama).

Beliau berkhidmat selama 32 tahun dengan Bernama sebelum bersara wajib pada 1 Mac, 2011.

Menurut wartawan veteran ini, angkatan wartawan wanita yang mula-mula menceburi bidang ini menunjukkan kemampuan yang mantap, setanding dengan wartawan lelaki dalam bidang kewartawanan.

"Sewaktu zaman saya, sekitar tahun 1980an, memang terdapat ramai pemberita wanita dan kalau diikutkan bilangan wanita bekerja sebagai pemberita adalah lebih ramai daripada editor kanan.

"Bagaimanapun, keadaan pada hari ini menunjukkan perubahan positif dengan ramai juga wanita memegang jawatan kanan editor. Pada masa ini, kita boleh lihat wartawan wanita pantas meningkat dalam menyandang jawatan kanan editorial," katanya.

Salbiah berkata, di Bernama, atas sikap pengurusan atasan yang memandang ke depan, ramai wartawan wanita meningkat dalam karier mereka dengan memegang jawatan kanan di Jabatan Pengarang Bernama.

Beliau turut menyatakan bahawa sewaktu baru-baru menceburi bidang kewartawanan, sebagai pemberita muda, beliau sering diberi tugas yang sebelum itu didominasi pemberita lelaki.

"Sewaktu saya bertugas di Biro Pulau Pinang, antara tugas yang paling saya seronok ialah membuat liputan penglibatan tentera Malaysia di sempadan Malaysia -Thai. Terdapat ketika saya secara peribadi diundang oleh pegawai atasan tentera yang berpangkalan di Pulau Pinang untuk pergi membuat liputan ke beberapa zon bahaya.

"Saya juga ditugaskan ke Aceh, Indonesia, pada Disember 2004 untuk membuat liputan berlakunya bencana tsunami," kata Salbiah, yang menambah, dari segi keselamatan, wartawan wanita global menghadapi serangan semasa dalam talian atau di luar talian. Ini berdasarkan laporan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)

Beliau berkata, keganasan berasaskan jantina yang mengancam wartawan wanita menandakan ada stigmatisasi, ucapan berbau kebencian dan seksis, trolling, serangan fizikal, rogol dan juga malahan pembunuhan.

"Gangguan seksual, bagaimanapun, secara tradisinya tidak dilihat sebagai keganasan berdasarkan jantina, tetapi masih wujud dalam industri. Malangnya, kebanyakan insiden ini tidak dilaporkan.

"Sebagai wartawan, seseorang itu perlu berani, tabah dan bangga dengan bidang yang diseburinya. Sepanjang karier saya, banyak pahit maung yang saya lalui, tetapi alhamdulillah, saya berjaya melaluinya dan menjadikan saya lebih kuat untuk melaksanakan tugas saya, " katanya.

Pengarah eksekutif Pusat untuk Wartawan Bebas (CIJ) Wathshlah Naidu berkata, pihaknya menyediakan garis panduan untuk menangani isu kesaksamaan jantina dalam organisasi media di samping untuk keselamatan wartawan wanita di tempat kerja pada setiap masa.

"Memandangkan kerja wartawan pada kebanyakan masa adalah di lapangan, amalan kesihatan dan keselamatan pekerjaan mungkin sering terjejas.

"Wartawan wanita perlu mengharungi pelbagai kebimbangan fizikal, mental serta digital seperti menangani gangguan, cubaan seksual serta keganasan berdasarkan jantina dalam talian ketika bekerja, " beliau memberitahu Bernama dan wawanca menerusi emel.

Menurut beliau, CIJ menggesa semua organisasi media di Malaysia untuk memberi perhatian kepada kebimbangan yang menghantui pekerja wanita mereka dan memastikan perlindungan yang mencukupi serta seragam disediakan untuk mereka.

Hawana 2023

Sementara itu, sambutan Hari Wartawan Nasional (Hawana) untuk tahun 2023 akan berlangsung dari 27 Mei hingga 29 Mei di Ipoh, Perak. Ia disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan para wartawan di negara ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dijangka merasmikan Hawana 2023 pada hari terakhir sambutan.

Menurut Dekan Eksekutif, Fakulti Sastera, Komunikasi dan Pendidikan, Infrastructure University Kuala Lumpur, Prof Dr Faridah Ibrahim, Hawana 2023 adalah pangkalan terbaik untuk menyerlahkan pencapaian wartawan wanita serta mendidik yang lain tentang “bahagian sejarah kewarwanan kebangsaan yang tidak didendang”.

“Sudah sampai masanya untuk seseorang, mungkin dari kalangan cendekiawan, penyelidik universiti atau pengamal media, untuk menghasilkan buku mengenai wartawan wanita yang unggul,” katanya.

REMAJA OKU HILANG DITEMUKAN MAUT DALAM LONGKANG

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-oku-hilang-ditemukan-maut-dalam-longkang-417149>

Sumber : Astro Awani



IPOH: Seorang remaja lelaki orang kurang upaya (OKU) yang dilaporkan hilang beberapa hari ditemukan maut dalam longkang di Jalan Persiaran Kerian Permai, Parit Buntar pada Rabu.

Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd Yusri Hassan Basri berkata mayat mangsa yang berusia 19 tahun itu ditemukan di lokasi berkenaan pada jam 5.45 petang.

Menurutnya, sebelum itu pihaknya menerima laporan polis daripada bapa mangsa yang berusia 41 tahun yang memaklumkan kehilangan anaknya di Balai Polis Parit Buntar pada jam 2.06 petang, Rabu.

“Hasil siasatan mendapati pada Isnin, lebih kurang jam 10.30 malam mangsa telah pergi ke rumah rakannya bersama sepupu lelaki di Taman Kerian Permai.

“Semasa dalam perjalanan pulang mangsa yang sedang menunggang motosikal berseorangan telah membuang motosikal yang ditunggangnya dan terus berlari menuju ke arah Persiaran Jalan Permai seperti ketakutan.

“Dan (mangsa berlari) terlalu pantas sehinggakan rakan dan sepupunya tidak nampak kelibatnya lagi. Bapa mangsa cuba mencari sendiri namun gagal menemukan anaknya itu dan bertindak meminta bantuan pihak polis,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ujar Mohd Yusri siasatan lanjut oleh Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kerian mendapati tiada unsur perlakuan jenayah di tempat kejadian.

Dalam pada itu, katanya berdasarkan kepada proses pengecaman mayat di tempat kejadian, bapa mengesahkan mayat di lokasi kejadian adalah anaknya yang dilaporkan hilang sebelum itu.

“Beberapa spesimen diterima dan dihantar ke Jabatan Kimia di Ipoh bagi membantu keseluruhan siasatan. Buat masa ini kes diklasifikasikan sebagai laporan mati mengejut (SDR).

“Justeru orang ramai diminta untuk tidak membuat sebarang spekulasi yang akan mengeruhkan lagi keadaan dan sekiranya mempunyai sebarang maklumat diminta menghubungi balai polis terdekat atau 05-7212222 Bilik Gerakan IPD Kerian,” katanya lagi.